

TARIKH	26 9 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	22	RUANGAN	setempat

Pohon doa dikurnia cahaya mata

Kelana Jaya: "Saya berharap dikurniakan cahaya mata selepas ini. Ini antara doa yang mahu dipanjatkan ketika berada di Tanah Suci Makkah nanti.

"Sudah tiga tahun saya dan suami menantikan kehadiran cahaya mata.

"Semoga doa ini menjadi kenyataan berkat berdoa di Baitullah," kata Dr Suhaila Ab Wahab, 37, jemaah haji kumpulan KT40 yang berlepas ke Makkah baru-baru ini.

Suhaila yang berkhidmat sebagai doktor di Perlis bakal menunaikan haji bersama ibunya Naviyah Hamdan, 57, dan bapa Ab Wahab Abdullah, 63.

Katanya, dia bersyukur berpeluang menunaikan haji bersama ibu dan bapanya kerana impian itu sudah lama disimpan sejak dari awal bekerja lagi.

"Malah, saya rasa dengan adanya saya di Tanah Suci nanti, saya dapat menguruskan mereka berkaitan ibadat atau keperluan lain seperti kesihatan dan juga makanan," katanya.

Menurutnya, dia dipanggil menunaikan haji sebanyak dua kali sebelum ini, namun ditangguhkan kerana komitmen kerja dan menyambung pengajian.



SUHAILA (tengah) bersama ibu (berdiri di kanan), bapa (tengah) dan sanak-saudara sebelum berlepas.

"Pertama kali dipanggil, ketika itu saya sedang membuat latihan kedokteran (housemanship) di hospital dan menangguhkannya. Kali kedua dipanggil pula ketika saya melanjutkan pengajian dan terpaksa menolak sekali lagi.

"Namun, kali ketiga dipanggil menunaikan haji musim ini saya bersyukur kerana tawaran itu secara kebetulan turut diterima ke-

dua ibu bapa saya," katanya.

Katanya, sejak menerima tawaran pergi bersama ibu bapanya, setiap hari dia berdoa kepada Tuhan supaya perjalanan dipermudahkan.

"Mungkin sudah sampai seru saya ke sana dan menganggap peluang ini sebagai rezeki walaupun agak pilu kerana pemergian ini tanpa suami yang tidak dapat bersama kami," katanya.